



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 DISEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **948 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **57,917 kes** (83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 3 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,075 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **69,095 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

**kebolehhangkitan COVID-19 pula adalah 10,802 kes.** Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah 1,072 kes.

Negeri-negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes harian sebanyak **508 kes (47.3 peratus)**. Daripada jumlah ini, negeri Selangor melaporkan sebanyak **459 kes (90.4 peratus)**. Jumlah pelaporan kes harian kedua tertinggi pula dicatatkan oleh negeri Sabah iaitu sebanyak **310 kes (28.8 peratus)** dan diikuti dengan negeri Johor sebanyak **78 kes (7.3 peratus)**.

Sebanyak **48 kes (4.5 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (41 kes), Kluster Tembok (3 kes), Kluster Matambai (3 kes) dan Kluster Bakti (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **116 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **46 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **11 kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **376 kes (0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
366	23536	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan obesiti
367	40949	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	70	Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan gout
368	45696	W.P. Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	74	Hospital Sungai Buloh	-
369	48520	W.P. Putrajaya	Lelaki (WN)	79	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
370	52129	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis,

						jantung, darah tinggi dan buah pinggang kronik
371	52599	Johor	Perempuan (WN)	71	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan gout
372	56656	Kelantan	Perempuan (WN)	72	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan demensia
373	62601	Selangor	Perempuan (WN)	77	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, asma, dislipidemia dan strok
374	63565	Selangor	Lelaki (WN)	81	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, kencing manis, strok dan penyakit kemurungan
375	67156	Johor	Perempuan (WN)	50	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis dan obesiti
376	67391	Sabah	Lelaki (WN)	79	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

\*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 3 Disember 2020, terdapat sebanyak **373 kluster** telah dilaporkan termasuk **empat (4) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **189 kluster** termasuk **tiga (3) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Bukit, Kluster Tujuh Serangkai dan Kluster Laut. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **184 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **43 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Usaha (84 kes), Kluster Kaya (74 kes) dan Kluster Hentian (60 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **empat (4) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### **1. KLUSTER MONSOON**

Kluster ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke-63687) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 3 Disember 2020, sejumlah 106 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **2. KLUSTER JALAN KILANG**

Kluster ini melibatkan daerah Lahad Datu di negeri Sabah. Kes-kes awal dalam kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula 15 November 2020 hasil saringan tempat kerja di sebuah kilang. Sehingga 3 Disember 2020, sejumlah 104 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. **KLUSTER PERDANA ENAM**

Kluster ini melibatkan daerah Lahad Datu di negeri Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-53954) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 22 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 3 Disember 2020, sejumlah 213 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. **KLUSTER JALAN KUBOTA**

Kluster ini melibatkan daerah Tawau di negeri Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-59101) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 25 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 3 Disember 2020, sejumlah 72 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

3 Disember 2020 @ 5.30 petang.



**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 3 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	310	29,577
<b>SELANGOR</b>	459 (1)	15,534
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	49 (1)	6,366
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	52	5,175
<b>KEDAH</b>	32	2,642
<b>PULAU PINANG</b>	43	2,220
<b>PERAK</b>	26	1,858
<b>JOHOR</b>	78	1,627
<b>W.P. LABUAN</b>	9 (1)	1,365
<b>SARAWAK</b>	1	1,066
<b>PAHANG</b>	4	408
<b>MELAKA</b>	2	390
<b>KELANTAN</b>	9	381
<b>TERENGGANU</b>	1	238
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	205
<b>PERLIS</b>	0	43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,075 (3)</b>	<b>69,095</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 1,075 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 3 Disember 2020 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 459 kes**
  - 307 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Monsoon**;
  - 54 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - 97 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 310 kes**
  - 59 kes daripada kluster-kluster, termasuk 28 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kilang, Kluster Perdana Enam dan Kluster Jalan Kubota**;
  - 156 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 95 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor: 78 kes**
  - 63 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Sebelas (11) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 52 kes**
  - 45 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 49 kes**
  - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 43 kes**
  - 36 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 32 kes**
  - 24 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 26 kes**
  - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Sembilan (9) kes**
    - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
    - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
    - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
    - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Sembilan (9) kes**
    - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
    - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Pahang: Empat (4) kes**
    - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Dua (2) kes**
    - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
    - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.